

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penggunaan *Nuclear Power Station* sebagai langkah mengurangkan tenaga dan kos pada masa akan datang boleh dipertimbangkan. Ini kerana telah banyak kajian yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar yang mengambil pengajian bioteknologi di dalam dan luar negara mengenai keberkesanan sumber nuklear serta penjimatan berganda yang dapat dihasilkan oleh stesen jana kuasa tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan terhadap penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik telah pun dikenalpasti dan dimasukkan dalam Dasar Baru Tenaga (2011-2015) seperti yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan telah dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2010. Dasar Baru Tenaga ini telah menyatakan bahawa pembangunan tenaga nuklear akan dipertimbangkan sebagai salah satu pilihan sumber tenaga jangka panjang untuk penjanaan elektrik, khususnya di Semenanjung, bagi memastikan bekalan yang andal dan berkesanan kos, atau dengan izin, *cost-effective*.

Secara keseluruhannya, Dasar Baru Tenaga ini memberi tumpuan kepada lima (5) tunggak strategi, iaitu pelaksanaan inisiatif pembekalan dan pengurusan sumber tenaga yang andal, pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga, penetapan harga berdasarkan pasaran, pengukuhan tadbir urus, dan pengurusan perubahan. Selain daripada pertimbangan terhadap penggunaan tenaga nuklear, Dasar Baru Tenaga ini juga menekankan pembangunan sumber tenaga alternatif, khususnya kuasa hidro, serta pengimportan arang batu dan gas asli cecair (LNG), untuk mempertingkatkan jaminan bekalan tenaga negara.

Bagi mengurangkan lagi pelepasan karbon dioksida, penggunaan teknologi arang batu yang mesra alam juga akan diteroka bagi

pembangunan loji janakuasa baru, di samping pembangunan tenaga nuklear. Beberapa inisiatif baru yang berteraskan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharu akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui di bawah RMK10.

Selaras dengan Dasar Baru Tenaga ini, satu Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), untuk penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan kuasa elektrik telah juga dirumuskan sebagai EPP kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Di bawah Projek Permulaan EPP11 ini, Kerajaan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Aktiviti yang sedang dilaksanakan tertumpu kepada kajian menyeluruh tentang kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara, dan Kajian Kemungkinan, atau, dengan izin, *Feasibility Study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau, dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP). Tinjauan pendapat umum terhadap penggunaan tenaga nuklear juga akan dilaksanakan.

Tujuan kajian-kajian ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.